

Guna media asing untuk
memburukkan demokrasi negara ini

PM dedah ada kumpulan separa politik jadi agen negara Barat

LM 27 MAY 1991



SEREMBAN 26 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan adanya kumpulan separa politik yang menjadi agen negara Barat bagi menyalahafsirkan demokrasi yang diamalkan di negara ini.

Perdana Menteri berkata, kumpulan itu yang dibiayai oleh negara Barat menggunakan media asing untuk memburuk-burukkan keadaan demokrasi negara ini.

"Umpamanya mereka sering kata negara ini tidak stabil menyebabkan para pelabur tidak datang dan ekonomi kita terjejas," katanya kepada para pemberita selepas taklimat Wawasan 2020 di dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) di sini petang ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, apabila ekonomi sudah terjejas, negara tidak akan maju dan ini menimbulkan pelbagai masalah.

Dalam masa yang sama katanya, kumpulan itu akan 'memancing' di dalam air yang keruh.

Beliau juga menjelaskan bahawa kumpulan ini tidak berani untuk melibatkan diri dalam politik kerana takut akan ditolak oleh majoriti.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan telah mengenalpasti kumpulan tersebut tetapi enggan menyebut nama mereka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan hanya mengambil tindakan mendedahkan kegiatan

kumpulan ini supaya rakyat tahu akan perbuatan mereka dan menolak pendapat itu.

Sambil menyifatkan ada di antara agen-agen ini sebagai 'Burung Tiong' kerana gemar mengulangi apa yang diperkatakan oleh 'tuan' mereka di luar negeri.

"Kalau kita benarkan mereka bermaharajalela dan membenarkan segala saranan mereka tanpa kita memberi pendapat yang lebih bernas maka mereka akan berjaya merosakkan negara kita," tegas Perdana Menteri lagi.

Dato' Sri Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, cuma sebilangan kecil sahaja rakyat yang telah terpengaruh dengan kumpulan ini.